

22 SEP 1998

Umno-Revolusi

UMNO PULAU PINANG NAFI TERBABIT DENGAN PENUBUHAN MAJLIS REVOLUSI

PULAU PINANG, 22 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Negeri hari ini menafikan pihaknya terbabit dengan penubuhan Majlis Revolusi UMNO Pulau Pinang dalam usaha menyokong perjuangan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausahanya, Azhar Ibrahim ketika dihubungi berkata, tindakan pihak tertentu menggunakan alamat Menara Umno Pulau Pinang di Jalan Macalister sebagai tempat operasi Majlis itu amat dikesali.

"Badan Perhubungan Umno tiada kena-mengena dengan majlis itu dan saya tidak tahu siapa dalang di belakang penubuhannya dan kita juga tidak pasti sama ada nama pengerusi majlis itu benar-benar wujud atau sebaliknya," katanya ketika diminta mengulas tentang kenyataan akhbar mengenai penubuhan majlis itu yang diedarkan kepada beberapa buah pertubuhan media, di sini.

"Sekiranya ada anggota Umno yang terlibat dalam pembentukan majlis itu, saya menasihatkan mereka supaya menghentikannya segera dan terimalah keputusan yang telah dibuat oleh pucuk pimpinan parti," katanya.

Dalam kenyataan akhbar yang diedarkan hari ini, seorang lelaki dengan nama, Zakariah Mydin, mendakwa dirinya pengerusi majlis itu yang ditubuhkan semalam untuk memberi sokongan terhadap perjuangan Anwar untuk menegakkan reformasi di negara ini.

Majlis revolusi itu akan akan bertindak balas dengan lebih serius sekiranya Anwar terus ditahan oleh kerajaan dan ia bersedia untuk menggerakkan jentera pilihan rayanya untuk membantu Anwar mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh dan mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu.

Bagaimanapun, Majlis itu tidak dapat dihubungi kerana tiada sebarang nombor telefon dinyatakan di dalam kenyataan satu muka surat itu.

Sementara itu, Setiausaha Kerja Badan Perhubungan Umno, Haji Azmi Merican berkata, tiada orang dengan nama "Zakariah Mydin" bertugas di pejabat Umno Negeri dan menyifatkan kenyataan itu sebagai "surat layang" atau khabar angin yang ingin memburukkan keadaan.

-- BERNAMA

ZU